

Anwar dakwa Tun M hadapi isu kredibiliti

Tindakan saman bekas PM disifatkan berniat jahat, serangan kepada kerajaan

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad yang memfailkan saman RM150 juta terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung kenyataan Presiden PKR itu menuduhnya rasis dan mengkayakan keluarganya ketika berkuasa, berdepan masalah reputasi dan kredibiliti.

Dalam penyataan pembelaan terhadap saman itu, Anwar berkata kredibiliti Mahathir sebelum ini dan sentiasa dinilai berdasarkan perbuatannya sendiri.

"Niat jahat dan serangan tidak berasas terhadap kerajaan hari ini diketuai defendan (Anwar) adalah cubaan menebus dirinya secara politik dengan apa jua cara," katanya.

Anwar berkata ia termasuk 'mencetuskan pergolakan kaum dan menjejaskan politik, ekonomi dan kestabilan sosial, menyebabkan beliau tidak lagi dianggap sebagai seorang yang boleh dipercayai.'

Dalam pernyataan balas yang difailkan tetuan Thomas Philip, Anwar mendakwa, Mahathir, 97, telah memusnahkan reputasinya sendiri.

Anwar juga mendakwa Telekom Malaysia Berhad (TM) mengeluarkan surat untuk meminta kebenaran mengadakan rundingan terus dengan Opcom Sdn Bhd (Opcom) bagi pembekalan kabel fiber optik bernilai

RM214.2 juta.

Katanya, surat berkenaan dikeluarkan kepada Kementerian Kewangan pada 15 September 2003, yang mana Perdana Menteri dan Menteri Kewangan ketika itu adalah Dr Mahathir, manakala anak ketiganya, Datuk Seri Mukhriz adalah Pengarah Opcom.

Anwar berkata, TM adalah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang mana Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) memegang satu saham khas yang memberikan MKD kuasa untuk menolak keputusan lembaga dan pemegang saham lain.

Beliau berkata, MKD pada masa itu berada di bawah kawalan dan arahan Dr Mahathir yang juga Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Katanya, Kementerian Kewangan pada 7 Oktober 2003 mengeluarkan surat untuk meluluskan permohonan Telekom untuk rundingan terus berkenaan.

"Selepas itu, rundingan terus yang berkaitan antara Telekom dan Opcom berlaku antara Oktober dan November 2003.

"Melalui satu surat award bertarikh 17 November 2003 kontrak fiber optik itu, TM melantik Opcom sebagai kontraktor bagi pembekalan kabel fiber optik dan perkhidmatan kejuruteraan dengan jumlah kontrak RM214.2 juta.

"Pada Jun 2004, Opcom menyerahkan hak milik, faedah dan kepentingannya dalam jumlah kontrak itu kepada Opcom Holdings Sdn Bhd yang kini dikenali sebagai Opcom Holdings Berhad.

"Pengeluaran surat TM bertarikh 15 September 2003, surat Kementerian Kewangan bertarikh 7 Oktober 2003 dan rundingan bagi kontrak fiber optik itu berlaku di bawah kawalan, arahan dan bidang kuasa plaintif (Dr Mahathir) ketika menjadi Perdana Menteri dan Menteri Kewa-

ngan," katanya.

Tuntutan saman difailkan Dr Mahathir di Mahkamah Tinggi Shah Alam melalui firma guaman, Tetuan Law Practice of Rafique pada 3 Mac lalu, dengan menamakan Anwar sebagai defendan tunggal.

Dr Mahathir mendakwa, kenyataan Anwar dalam ucapannya pada Kongres PKR membawa maksud beliau membolot harta untuk keluarga dan kehilangan harta, aset atau saham orang Melayu adalah berkait dengan harta, aset atau saham milik keluarganya.

Selain itu, Anwar berkata, Opcom Cables Sdn Bhd (Opcom Cables) pada 14 Mei 2018 diberikan Kontrak Rakan Unifi bernilai RM11.157 juta oleh Telekom, yang mana ketika itu tiga pengarah syarikat berkenaan ialah anak sulung dan kedua Dr Mahathir iaitu Mirzan dan Tan Sri Mokhzani serta isteri Mukhriz, Norzieta Zakaria.

"Kontrak Rakan Unifi adalah untuk pemasangan dan pemulihan perkhidmatan Unifi serta tempoh kontrak itu adalah 18 bulan bermula 2 Julai 2018 hingga 31 Disember 2019.

"Kontrak Rakan Unifi diberikan kepada Opcom Cables empat hari selepas plaintif mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri ketujuh iaitu selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 pada 10 Mei 2018," katanya.

Anwar berkata, tindakan saman itu *bertujuan melemahkan Kerajaan Persekutuan dan kredibilitinya* sebagai Perdana Menteri, selain mewujudkan perpecahan kaum memandangkan Pilihan Raya Negeri (PRN) di Selangor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu dari Kedah akan diadakan dalam masa terdekat.